



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : TAKAFUL**  
**KOD KURSUS : DPI2113**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017**  
**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (20 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Manfaat (pampasan) boleh diberi dalam pelbagai bentuk **KECUALI**
  - A Penggantian
  - B Pembaikan
  - C Tunai
  - D Jaminan
  
2. Risiko yang mengakibatkan kehilangan atau kerosakan hartabenda merujuk kepada
  - A Risiko liabiliti
  - B Risiko peribadi
  - C Risiko pemilikan
  - D Risiko fundamental
  
3. Dua (2) faktor penting yang diambil kira ketika sesebuah syarikat membuat penilaian jumlah kerugian yang berpotensi untuk dialami oleh syarikat adalah
  - A Risiko dan pulangan.
  - B Kekerapan dan ketenatan.
  - C Nilai masa wang dan kadar inflasi.
  - D Keadaan ekonomi semasa dan polisi kerajaan.
  
4. Manakah yang berikut **TIADA** kaitan dengan risiko spekulatif
  - A Tidak boleh dilindungi.
  - B Kesan daripada risiko ini adalah untung, rugi atau tidak rugi.
  - C Mudah untuk menganggarkan kebarangkalian berlaku.
  - D Tidak banyak data lepas berkaitan risiko ini.

5. Kepentingan ciri risiko tulen sebagai risiko yang boleh dilindungi adalah untuk
- A Memastikan syarikat dapat mengurangkan risiko sistematik.
  - B Menjamin kelangsungan operator insuran / takaful.
  - C Memudahkan unjuran kebarangkalian risiko berlaku
  - D Membendung *morale hazard*.
6. Pendapat ulama' terhadap insurans
- i. Harus semua bentuk insurans.
  - ii. Haram semua insurans yang berbentuk perniagaan.
  - iii. Mengharuskan sebahagian dan mengharamkan sebahagian yang lain.
  - iv. Harus jika pampasan yang diterima dan bentuk tunai dan pembaikan sahaja.
- A i dan ii
  - B i dan iii
  - C ii dan iv
  - D i, ii dan iii
7. Apabila risiko melibatkan malapetaka dan kerugian dialami adalah sangat besar,
- A Akan ditanggung oleh individu.
  - B Akan ditanggung oleh kerajaan.
  - C Akan ditanggung oleh insuran tabaduli.
  - D Pemindahan risiko kepada insurer akan berlaku.
8. Pilih manakah faktor berikut yang menyumbang kepada penubuhan syarikat takaful di Malaysia
- i. Penubuhan institusi kewangan Islam.
  - ii. Keperluan semasa masyarakat.
  - iii. Kesedaran masyarakat terhadap agama Islam yang syumul.
  - iv. Pindaan undang-undang negara.
- A i dan ii
  - B i dan iii
  - C ii dan iv
  - D i, ii dan iii

9. Saling membantu dalam kerja kebaikan dan lindung melindungi sesama peserta bertepatan dengan prinsip
- A *Ta'awun*
  - B *Tabarru'*
  - C Tawakal
  - D Takaful
10. Manakah diantara yang berikut merujuk kepada turutan proses pengurusan risiko yang betul?
- i. Menenal pasti punca risiko
  - ii. Memilih teknik
  - iii. Menilai potensi kerugian
  - iv. Mengawal
  - v. Melaksanakan
- A i, ii, iii, iv dan v
  - B i, iii, ii, v dan iv
  - C i, iii, v, ii dan iv
  - D i, ii, iii, v dan iv
11. Skim ini melindungi binaan fizikal rumah kediaman daripada risiko kerosakan atau kehilangan. Ini merujuk kepada skim
- A Takaful Kebakaran
  - B Takaful berkaitan pelaburan
  - C Takaful Pemilik Rumah Kediaman (*Houseowner Policy*)
  - D Takaful Barang Rumah Kediaman (*Householder Policy*)
12. Dua (2) tujuan melanggan insurans menurut Dr. Muhammad Ibrahim Raf'at adalah
- i. Mekanisme utama untuk mengembangkan harta
  - ii. Mewujudkan *ukhhwah* di kalangan individu dalam masyarakat
  - iii. Mekanisme untuk membendung kerugian
  - iv. Menambahkan *thiqqah* dan kepercayaan di kalangan penghutang dan pemiutang

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D i, ii dan iii

13. Yang manakah di antara yang berikut BUKAN jenis syarikat insuran di Malaysia?

- i. Syarikat Insuran hayat
- ii. Suruhanjaya Sekuriti
- iii. Syarikat insuran komposit
- iv. Syarikat pembrokeran

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. i, ii dan iii

14. Terdapat saluran percuma dan mudah sebagai alternatif kepada penyelesaian melalui mahkamah. Badan bebas ini ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian diantara pengguna dan operator takaful / insuran merujuk kepada

- A. Institut Insuran Malaysia (MII)
- B. Biro Pengantara Kewangan (FMB)
- C. Retakaful / Reinsurer
- D. Biro Insurer Kenderaan

15. Khidmat pakar dalam industri insurans dan takaful termasuklah

- i. *Loss adjuster*
- ii. Jurumarin dan kargo
- iii. Pengurus syarikat
- iv. Penganalisa ekonomi dan kewangan

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D i, ii dan iii

16. Dokumen yang digunakan sebagai bukti perlindungan adalah

- A. Endosmen
- B. Nota Lindung
- C. Borang polisi
- D. Sijil Insurans

17. Elemen penting untuk membentuk kontrak insurans yang sah adalah

- i. Pihak yang berkeupayaan untuk berkontrak
- ii. Permintaan dan penawaran
- iii. Imbalan
- iv. Wang pendahuluan

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D i,ii dan iii

18. Contoh risiko yang boleh diukur dengan nilai wang adalah yang berikut

KECUALI

- A. Kecederaan
- B. Ditimpa penyakit
- C. Kelalaian dan menyebabkan kecederaan
- D. Perasaan kehilangan ahli keluarga yang tersayang

19. Kepentingan kontrak dalam operasi takaful adalah

- i. Bukti kerelaan
- ii. Bukti kesahan
- iii. Bukti keupayaan berkontrak
- iv. Bukti pendapatan insurer

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D i,ii dan iii

20. Kontrak *aqilah* adalah kontrak berkaitan
- A. Pertolongan yang diberi kepada ahli yang terlibat dalam pembunuhan secara tidak sengaja.
  - B. Jaminan yang diberi kepada individu dalam dalam hal-hal yang berkaitan tanggungjawab seharian.
  - C. Sistem bayaran pampasan kepada keluarga terbunuh dimana pembunuhnya tidak dapat dikesan
  - D. Melindungi individu yang melakukan jenayah secara tidak sengaja dan untuk Membebaskan tawanan perang

[20 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Berikan maksud ringkas terma yang berikut :

- a. Dana Pendapatan
- b. Broker insurans
- c. Syarikat Insurans Komposit
- d. Takaful semula (*Retakaful*)
- e. Penyelaras kerugian

(5 markah)

**SOALAN 2**

Apakah maksud *maqasid syariah*. Jelaskan kaitannya dengan takaful.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **dua(2)** perbezaan utama di antara Takaful Keluarga dan Takaful Am.

(5 markah)

**SOALAN 4**

Kenalpasti **dua(2)** sebab mengapa industri takaful dan insurans memerlukan penyeliaan yang ketat.

(5 markah)

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan.

Jawab TIGA (3) soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Bincangkan **lima(5)** peranan takaful dalam sesebuah ekonomi.

(10 markah)

- b. Huraikan konsep risiko dalam Islam.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Bezakan di antara yang berikut beserta contoh

- i. Hazad fizikal
- ii. Hazad Moral
- iii. Hazad Morale

(10 markah)

- b. Huraikan yang berikut :

- i. Bendungan risiko
- ii. Risiko fundamental
- iii. Fakta matan
- iv. Prinsip gantirugi (indemniti)

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Jelaskan **empat(4)** sebab mengapa takaful dikatakan sebagai alternatif kepada insurans konvensional.

(10 markah)

- b. Huraikan **lima(5)** perbezaan operasi di antara takaful dan insurans konvensional.

(10 markah)

**SOALAN 4**

- a. Kenalpasti peranan entiti berikut dalam operasi dan industri takaful.

- i. Majlis Penasihat Syariah
- ii. *Malaysian Insurance Institute* (MII)

(5 markah)

- b. Jelaskan kepentingan dokumen yang berikut dalam operasi takaful

- i. Borang Cadangan
- ii. Endosmen

(5 markah)

- c. Huraikan bagaimana konsep yang berikut diaplikasikan dalam operasi takaful :

- i. *Mudharabah* (4 markah)
- ii. *Wakalah* (3 markah)
- iii. *Tabarru'* (3 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

